

**FGV Buka Kilang Pemprosesan Getah Di Myanmar, Siap Awal Tahun Depan Bernama
9 Mac, 2014
Oleh Norshafawati Ab Wahab**

YANGON, 9 Mac (Bernama)-- FGV Pho La Min Company Ltd, syarikat usaha sama Felda Myanmar (L) Pte Ltd dan Pho La Min Trading Company Ltd (PLM), akan melabur antara US\$10 juta dan US\$15 juta untuk membuka kilang pemprosesan getah di Myeik.

Kilang itu dijadual siap pada suku pertama tahun depan.

Felda Myanmar (L) Pte Ltd, ialah anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV)

"Syarikat usaha sama itu merancang menceburi pelbagai bidang, namun tahun ini ia tertumpu kepada industri getah," kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV Mohd Emir Mavani Abdullah pada sidang media selepas majlis pemeteraian perjanjian usaha sama di sini.

Beliau berkata perjanjian itu adalah kejayaan baharu FGV di Myanmar sejak menandatangani memorandum persefahaman bersama PLM pada September 2012.

FGV menguasai 51 peratus kepentingan ekuiti dalam syarikat usaha sama itu manakala 49 peratus kepentingan dimiliki PLM.

Selain membina kilang dengan kapasiti 24,000 tan metrik setahun, Mohd Emir berkata syarikat usaha sama itu juga merancang membuka sebuah lagi kilang di Mon State, dengan pembangunan kawasan baharu seluas 30,000 hektar selain mengenal pasti 10,000 hektar kawasan lama.

Beliau bagaimanapun berkata pembangunan kawasan baharu akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, dan kerajaan Myanmar hanya membenarkan tanah itu dipajak oleh syarikat asing sehingga 70 tahun.

"Kami juga sudah mengenal pasti kawasan, namun pembangunan 30,000 hektar kawasan baharu tidak dibangunkan sekali gus, kami hanya mengenal pasti 3,000 hektar setahun dan selepas itu kerajaan akan menyediakan 3,000 hektar lagi ... hingga kami mencapai sasaran keseluruhan," katanya.

Beliau berkata syarikat itu kini memberi tumpuan ke atas segmen pemprosesan getah, namun ada kemungkinan melibatkan diri dalam aktiviti hiliran.

"Ia mungkin pembuatan sliper atau mungkin kilang kecil tayar, dan akan terus mengenal pasti semua kemungkinan dan peluang dalam industri getah di sini," katanya.

Mengenai industri minyak sawit, beliau berkata FGV hanya memberi tumpuan kepada aktiviti hiliran, dan ia sudah mengedar Saji, produk minyak masak anak syarikat FGV, Delima Oil Products Sdn Bhd di Myanmar sejak tahun lepas.

"Kami nahu meluaskan pengedaran produk di Myanmar dan berharap sebaik mencecah 20,000 tan metrik bekalan, kami dapat membuka kilang pembungkusan kecil di sana." dan menambah tahun lepas FGV mengeksport kira-kira 14,000 tan metrik produk minyak masak ke Myanmar.

Mohd Emir berkata FGV juga sedang mengenal pasti usaha untuk menceburi industri gula memandangkan Myanmar masih mengalami defisit gula.

"Gula tidak mencukupi di sini memandangkan mereka hanya mempunyai 12-14 kilang dan kami sedang mengenal pasti kemungkinan melabur bersama kerajaan di sini dalam sektor gula, sama ada gula mentah atau gula bertapis," katanya.

Beliau berkata "Kami berminat untuk bekerjasama dengan pekebun kecil tempatan dan melihat apa yang kami dapat bantu mereka dalam pemprosesan gula dan kemungkinan mengkaji untuk mengambil alih kilang gula besar."

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020420>